



KENYATAAN MEDIA

AKTIVITI DI RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI) DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

Merujuk kepada SOP PKPB di bawah aktiviti keagamaan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 8 November 2020;

“Aktiviti di rumah ibadat bukan Islam DIBENARKAN dengan had kehadiran ditetapkan oleh MKN/KKM/Kerajaan Negeri dan Kementerian Wilayah Persekutuan bagi rumah ibadat di Wilayah Persekutuan”

Kerajaan Negeri memutuskan bahawa:

- i. Beroperasi dengan had kehadiran maksima 30 orang tertakluk kepada keluasan ruang dan pengamalan penjarakan fizikal 1 meter;
- ii. Waktu beroperasi ialah 7.00 pagi dan selewat-lewatnya jam 10.00 malam;
- iii. Sebaik sahaja selesai aktiviti, hendaklah bersurai dengan serta merta; dan
- iv. Patuh SOP pada setiap masa (sebelum, semasa dan selepas aktiviti).

Selain itu, saya menyeru kepada seluruh rakyat Negeri Kedah untuk bersama-sama berusaha memutuskan rantaian Covid-19 ini. Patuhi SOP dan penjagaan sendiri melalui amalan kehidupan norma baharu.

Sekian, terima kasih.

YB DR ROBERT LING KUI EE
EXCO Perumahan, Alam Sekitar, Perpaduan,
Hal Ehwal Masyarakat Cina dan Siam
Negeri Kedah Darul Aman

12 November 2020